



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

19 NOVEMBER 2024

---

#### JANGKAAN LURUAN MONSUN KUAT PADA 27 NOVEMBER SEHINGGA 1 DISEMBER 2024

---

Luruan monsun yang membawa hujan lebat berterusan sedang berlaku di timur dan selatan Semenanjung dijangka berlanjutan sehingga hujung November 2024. Analisis terhadap ramalan cuaca terkini menunjukkan kekuatan luruan monsun diramal meningkat pada **27 November hingga 1 Disember 2024**. Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan sangat lebat dan berterusan di timur Semenanjung dalam tempoh berkenaan.

MET Malaysia sentiasa memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengemas kini Amaran Hujan Berterusan sekiranya keadaan cuaca dijangka bertambah buruk.

Orang ramai dinasihatkan agar bersiap sedia serta sentiasa peka dengan maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melalui medium sebaran rasmi iaitu laman web [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia. Talian hotline MET Malaysia 1-300-22-1638 boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan lanjut.

**Sumber:**

**DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

**Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam**

**19 November 2024, 2:00 petang**



[www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)



[mygempa.met.gov.my](http://mygempa.met.gov.my)



[rakanmet.met.gov.my](http://rakanmet.met.gov.my)



1-300-22-1638



[malaysiamet](#)



[metmalaysia](#)



[metmalaysia](#)



[MET malaysian](#)



[myCuaca](#)

